

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI  
(IGAN)**

**TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI [ IGAN ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sejauh manakah penularan COVID-19 memberi impak terhadap pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak kini sedang dilaksanakan secara konvensional dengan kerjasama JKR Sarawak susulan daripada penamatan Perjanjian Rakan Pelaksana Projek (Project Delivery Partner Agreement – PDPA). Sehingga bulan September 2021, status kemajuan terkini adalah 71% bagi projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dari Telok Melano ke Miri dengan jangkaan siap sepenuhnya pada September 2022. Sama seperti projek-projek Kerajaan lain, wabak Covid-19 telah memberi kesan ke atas kemajuan kerja dan kos pembinaan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak.

Sehubungan itu pelbagai *mitigation plan* sedang dilaksanakan antara lainnya penyelarasan semula jadual pembinaan dan Lanjutan Masa (Extension Of Time - EOT) selama 84 hari bagi memastikan kelancaran dan kelangsungan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak sebagai pemangkin pembangunan sektor sosio-ekonomi, perindustrian serta pelaburan di sepanjang jajaran projek tersebut.

Sekian, terima kasih.